

07 SEP 1997

Umno-Multimedia

PERWAKILAN GUNA ALAT MULTIMEDIA BAHAS USUL EKONOMI

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Multimedia digunakan buat pertama kali pada Perhimpunan Agung Umno semasa perwakilan Umno Selangor membahaskan usul ekonomi di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Senator Datuk Ghazi Haji Ramli berkata beliau berbuat demikian sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti supaya masyarakat di negara ini mendekati teknologi maklumat (IT) selaras dengan projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau membahagikan perbahasannya kepada enam tajuk iaitu kekuatan negara dan cabaran, kebangkitan asia dan perkongsian pintar, sektor strategik IT, penswastan dan pengagihan, golongan menengah bumiputera dan kemampuan bersaing.

Sepanjang perbahasan itu, multimedia memancarkan fakta, isi penting dan petikan serta gambar dan teks yang dipetik daripada majalah antarabangsa yang berkaitan dengan perbahasannya pada layar gergasi serta televisyen litar tertutup di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Antara petikan itu ialah maklumat-maklumat mengenai kemajuan Malaysia dan kritikan yang dibuat oleh Dr Mahathir terhadap ahli kewangan Amerika Syarikat George Soros.

Ghazi antara lain berharap sektor swasta meningkatkan kerjasama membantu kerajaan mengatasi masalah kejatuhan nilai ringgit sekarang dengan mengurangkan import dan menggunakan barangan tempatan.

Mereka boleh menggunakan internet dan perdagangan elektronik untuk mendapat maklumat terkini mengenai barang-barang yang ada di negara ini, katanya.

Beliau turut memberi makna lain untuk singkatan IT dan MSC iaitu "Islam Tulen" dan "Mahathir Sangat Cerdik" atau "Mahathir Sangat Comel" atau "Mahathir Sangat Cute".

"Kalau ingat MSC ingatlah ini, kerana MSC ciptaan Dr Mahathir... kalau kita buat baik, Insya-Allah Tuhan akan mengilhamkan sesuatu yang orang akan mengingati kita berpanjangan," katanya.

Ghazi berkata MSC akan menentukan zaman gemilang Malaysia sebagai negara Islam pada masa depan.

Beliau mengakhiri perbahasannya dengan membuat demonstrasi kepada para perwakilan penggunaan CD-ROM untuk belajar dan memahami Al-Quran dan kemudahan menggunakan multimedia itu bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada kitab suci itu sebagai rujukan penting. -- BERNAMA

AFY NAK